

Makalah **AKADEMIA**

KEPENTINGAN BERMAIN KEPADA PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK

Farhana Wan Yunus

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Aras 5 & 7, Bangunan FSK 1,5,
Kampus Puncak Alam, 42300 Puncak Alam, Selangor, Malaysia

farhana9657@uitm.edu.my

Pembelajaran melalui bermain adalah salah satu cara yang sangat penting untuk kanak-kanak belajar dan membesar dengan sihat. Menurut *Friedrich Froebel*, iaitu ahli pendidik German, mengatakan bahawa bermain merupakan aktiviti semulajadi kanak-kanak atau fitrah kanak-kanak.

Bermain ialah satu aktiviti dimana kanak-kanak dapat meneroka persekitaran mereka, berimajinasi dan juga belajar membuat keputusan. Bermain selalunya di huraikan sebagai 'pekerjaan kanak-kanak' (the work of children) tetapi ia adalah pekerjaan yang sangat meyeronokkan bagi kanak-kanak. Jenis-jenis permainan yang kanak-kanak bermain, objektifnya dan kepentingannya itu berubah mengikut umur kanak-kanak bermula dengan 0 tahun sehinggalah kanak-kanak meningkat remaja.

Oleh yang demikian, amatlah penting bagi ibu bapa mengetahui permainan yang sesuai mengikut umur kanak-kanak. Permainan yang paling penting adalah permainan yang dapat membantu kanak-kanak menjadi lebih aktif, membuat pilihan dan mengamalkan tindakan untuk menguasai sesuatu perkara. Mereka haruslah didedahkan kepada permainan yang akan memberikan pengalaman dalam pelbagai jenis kandungan seperti seni muzik, bahasa, sains, matematik dan hubungan sosial. Setiap satunya penting untuk perkembangan otak yang kompleks dan bersepadu. Permainan yang menghubungkan pengalaman sensorimotor, kognitif dan sosial-emosi dapat menyediakan persekitaran yang ideal dan baik daripada perkembangan otak semata-mata. Bagaimanapun, ibu bapa tidak perlu terlalu risau kerana bermain adalah fitrah kanak-kanak dan ia boleh berlaku dimana-mana sahaja dengan sendirinya.

Ibu bapa juga tidak perlu memaksa anak-anak bermain atau melarang mereka bermain sesuatu permainan kerana bermain boleh berlaku dengan spontan atau semula jadi kecuali jika permainan itu didapati merbahaya. Kanak-kanak ada perasaan semula jadi yang membuatkan mereka ingin bermain. Ini adalah kerana bermain memberi keseronokan dalaman (internal) dan perasaan menyenangkan kepada kanak-kanak.



**Bermain sememangnya lumrah kanak-kanak.
Foto oleh penulis**

Bermain adalah aktiviti yang kritikal untuk perkembangan kanak-kanak. Bermain boleh memberi sokongan terhadap perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak seperti:

- ✦ **Perkembangan fizikal dan psikomotor** – bermain secara aktif dengan menggunakan tangan, kaki dan otot-otot untuk berlari, menari, memanjat, melompat, menggali tanah, menendang bola dan sebagainya boleh menyokong kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan minda kanak-kanak.

✘ Apabila kanak-kanak mempunyai kesihatan dan perkembangan fizikal yang baik, mereka boleh mendapat banyak faedah kehidupan. Ia juga membolehkan kanak-kanak berdikari didalam pembelajaran. Contohnya untuk anak kecil yang berumur 2 tahun, mereka dapat belajar untuk makan dan minum dengan sendiri, belajar untuk naik dan turun tangga atau belajar memakai pakaian dengan sendiri apabila mereka boleh menguasai anggota mereka.

✘ Perkembangan sosial dan emosi – bermain juga dapat membantu kanak-kanak untuk menguasai kemahiran sosial dan emosi mereka apabila mereka bermain dengan rakan sebaya. Ini adalah kerana mereka mendapat peluang untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan kanak-kanak lain semasa bermain. Apabila mereka bersama, kanak-kanak dapat belajar menggunakan bahasa, belajar meluahkan perasaan dan idea masing-masing. Selain itu, kanak-kanak juga dapat belajar bermain bersama, belajar untuk bergilir-gilir untuk menggunakan mainan atau bercakap dan berlatih untuk berkongsi mainan. Mereka juga boleh belajar untuk bekerjasama dan mengembangkan perasaan empati terhadap orang lain. Menurut Ramlah Jantan (2016), kanak-kanak yang melalui pengalaman sosial dan emosi yang sihat dapat menyesuaikan diri kepada persekitaran di sekolah. Ini adalah penting kerana kanak-kanak yang mempunyai perkembangan sosial dan emosi yang sihat dapat membuat penyesuaian akademik yang baik di sekolah.

✘ Perkembangan kognitif – apabila kanak-kanak bermain, samaada bermain secara bersendirian atau bermain bersama rakan sebaya, otak mereka bekerja keras. Bermain adalah sangat penting untuk perkembangan kognitif kanak-kanak. Ini adalah kerana melalui bermain, kanak-kanak berfikir, menghafal, memberi perhatian, bercakap dan sebagainya. Kanak-kanak juga dapat mengembangkan kemahiran kognitif mereka seperti penyelesaian masalah, memikir secara kritis dan kreatif, konsentrasi dan kegigihan dalam membuat sesuatu perkara.



Apabila kanak-kanak bermain, samaada bermain secara bersendirian atau bermain bersama rakan sebaya, otak mereka bekerja keras. Foto oleh penulis

✘ Perkembangan bahasa dan nombor – bermain memerlukan kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran berinteraksi bersama rakan-rakan, penerokaan dunia sekeliling dan sebagainya. Apabila kanak-kanak bermain bersama, mereka pada masa yang sama mendapat peluang untuk memahami bahasa dan belajar perkataan-perkataan (vocab) baru. Selain itu, kanak-kanak juga belajar kemahiran mendengar dan bercakap semasa bermain, belajar menulis juga melalui conteng, melukis dan mewarna. Mereka juga belajar bagaimana setiap objek ada kata nama, belajar bahawa semua nombor dan simbol mempunyai maksud yang bermakna.

Oleh itu, ibu bapa dan pendidik perlu tahu dan menyedari bahawa bermain adalah aktiviti yang sangat penting dan sangat kritikal untuk perkembangan kanak-kanak.

Bermain itu bukanlah aktiviti yang membuang masa tetapi ialah adalah sebaliknya. Melalui bermain, kanak-kanak dapat membesar dengan sihat kerana bermain itu ialah peluang untuk memastikan perkembangan kanak-kanak yang sihat dan sejahtera.